

**BENTUK KERTAS SOALAN**

Kertas 1, Pengeluaran Tanaman 8881/1 mengadungi dua bahagian iaitu:

Bahagian A merupakan soalan berstruktur dan calon dikehendaki menjawab dua puluh soalan.

Bahagian B merupakan soalan esei dan calon dikehendaki menjawab tiga soalan dari pilihan empat soalan.

Calon diperuntukan masa selama dua jam tiga puluh minit.

**PRESTASI KESELURUHAN**

Prestasi keseluruhan calon adalah rendah. Persembahan jawapan kebanyakan calon kurang memuaskan terutama soalan berbentuk esei. Masih terdapat calon yang tidak jelas kehendak soalan dan cara penulisan jawapan esei. Jawapan calon tidak berdasarkan fakta yang tepat mengikut sukatan mata pelajaran.

**PRESTASI KESELURUHAN MENGIKUT KUMPULAN CALON****Calon Dalam Kumpulan Tinggi**

Sebahagian kecil calon dapat menjawab bahagian A dengan baik. Begitu juga bahagian B dengan setiap fakta diikuti dengan huraian yang baik. Namun terdapat calon yang tidak mengingat fakta dan jawapan yang diberi tidak mengikut kehendak soalan.

**Calon Dalam Kumpulan Sederhana**

Calon tidak mengingat fakta, tidak teliti membaca kehendak soalan dan menjawab soalan berdasarkan pengalaman tetapi tidak tepat mengikut fakta dalam sukatan mata pelajaran.

**Calon Dalam Kumpulan Rendah**

Calon tidak mengingat fakta. Terdapat calon gagal menguasai kemahiran menulis jawapan iaitu menjawab soalan dengan pembinaan ayat yang sukar difahami.

**PRESTASI TERPERINCI MENGIKUT SOALAN****Bahagian A****Soalan 1**

Majoriti calon boleh menjawab soalan ini. Calon tidak ingat fakta dan tidak pasti jawapannya. Calon dikehendaki menanda simbol betul atau salah pada beberapa pernyataan yang diberi.

## **Soalan 2**

Majoriti calon boleh menjawab soalan ini. Segelintir calon keliru dengan pengapuran sebelum atau selepas kerja pembajakan dan pengemburan tanah. Calon perlu memberi urutan nombor yang betul pada pernyataan langkah penyediaan tapak penanaman sayur-sayuran.

## **Soalan 3**

Sebahagian besar calon tidak dapat menjawab soalan ini. Ramai calon memberi nama medium dan kebaikan hidroponik dan bukannya ciri medium. Calon perlu menamakan ciri-ciri medium pegangan akar seperti tidak toksik, tahan lama (tidak mudah reput) dan sebagainya.

## **Soalan 4**

Sebahagian besar calon boleh menjawab soalan ini. Kebanyakan calon memberi dua jawapan yang sama seperti tujuan menyimpan biji benih untuk mengelak serangan perosak/penyakit/kulat. Calon perlu memberi dua jawapan yang berbeza tujuannya seperti mengelak serangan perosak dan mengawal kelembapan biji benih atau mengawal biji benih dari bercambah.

## **Soalan 5**

Sebahagian besar calon tidak dapat menjawab soalan ini. Calon tidak jelas kaitan kehendak soalan dengan ciri biji benih semaian terus dan semaian di tapak semaian. Calon perlu menjawab faktor berkaitan ciri-ciri biji benih, pertumbuhannya dan penanamannya bagi semaian secara terus berbanding menggunakan tapak semaian seperti biji benih yang murah, mudah tumbuh dan mudah pengurusannya.

## **Soalan 6**

Sebahagian besar calon mendapat jawapan betul. Calon keliru dengan istilah baja kompos dan baja asas dari segi pengertian dan penggunaannya dalam memadamkan jawapan yang paling tepat. Calon dikehendaki memadamkan istilah dengan pernyataan yang diberi. Calon perlu memilih jawapan yang paling tepat dan sesuai bagi setiap pernyataan seperti baja asas sebelum kerja menanam dan baja kompos ialah pereputan bahan organik walaupun boleh digunakan sebagai baja asas.

## **Soalan 7**

Sebahagian besar calon memberi jawapan yang betul. Terdapat calon memberi jawapan yang sama dalam pernyataan lain seperti jawapan membaiki struktur tanah, membaiki pengudaraan tanah atau fizikal tanah. Calon perlu menjawab kelebihan penggunaan bahan organik sebagai baja asas seperti membaiki struktur tanah (pengudaraan dan saliran), mengawal kelembapan tanah atau membekalkan nutrient.

## **Soalan 8**

Ramai calon memberi jawapan yang betul. Terdapat calon yang keliru di antara cantasan bagi tanaman buahan dengan tanaman minuman. Calon dikehendaki memberi jawapan berkaitan dengan pangkasan buah-buahan sahaja secara umum seperti pemangkasan

pembentukan atau pemangkasan pembentukan berbilang batang atau pemangkasan pembentukan batang tengah, pemangkasan kawalan dan pemangkasan baik pulih.

### **Soalan 9**

Ramai calon dapat memberi dua jawapan dari tiga jawapan soalan. Calon memberi maklumat keselamatan sahaja secara terperinci tanpa memikirkan maklumat lain dari label racun dan hanya memberi satu markah sahaja. Calon dikehendaki memberi jawapan dari aspek yang berbeza pada label racun seperti maklumat keselamatan, maklumat penggunaannya, maklumat kandungan racun atau maklumat darjah kekuatan racun.

### **Soalan 10**

Sebahagian calon tidak dapat menjawab soalan ini. Calon menerangkan maksud pengredan bukan tujuannya. Calon dikehendaki memberi tujuan pengredan iaitu kepentingan selepas pengredan seperti untuk penentuan harga atau memudahkan pengguna membuat pilihan atau memudahkan pemasaran.

### **Soalan 11**

Sebahagian calon dapat menjawab soalan ini. Calon memberi jawapan kurang tepat seperti ciri saiz dinyatakan besar sahaja. Calon perlu menyatakan dua ciri fizikal yang berbeza maksudnya dan boleh dibuat perbandingan seperti saiz buah atau warna buah atau kemasakan buah.

### **Soalan 12**

Sebahagian calon tidak dapat jawab soalan ini. Calon tidak jelas pengertian amalan penggiliran tanaman dan kebaikkannya. Calon perlu menyatakan kebaikan amalan penggiliran tanaman seperti mengoptimalkan penggunaan nutrient dari tanah atau pengawalan perosak atau pembekalan unsur nitrogen dari tanaman kekacang yang digilirkan.

### **Soalan 13**

Sebahagian calon tidak dapat jawab soalan ini. Calon tidak jelas istilah kacang, lenggai, biji dan buah dalam menjawab soalan. Calon perlu menyatakan kesan utama kekurangan kalsium pada hasil kacang tanah seperti lenggai tidak berisi penuh atau bijirin kecil di dalam lenggai.

### **Soalan 14**

Sebahagian calon dapat jawab soalan ini. Kesilapan menggunakan istilah antara tegap dan tegak serta umbisi dan sistem akar dalam memberi jawapan. Calon perlu menyatakan ciri-ciri sulur pedang seperti umbisi besar atau batang tegap.

### **Soalan 15**

Sebahagian calon dapat jawab soalan ini. Calon tidak mengingati fakta atau membuat perbandingan kebaikan menghadkan bilangan sulur dengan sulur yang banyak pada satu rumpun dalam mendapatkan jawapan. Calon perlu menyatakan kebaikan mengawal sulur dalam satu rumpun seperti mengawal persaingan atau mengawal pengeluaran buah atau mendapatkan buah yang berkualiti.

### **Soalan 16**

Sebahagian besar calon tidak dapat memberi jawapan yang tepat. Calon memberi jawapan yang tidak lengkap dan keliru dengan pertumbuhan tunas baru dari keratan atau sistem akar yang sama. Calon perlu memberi takrifan ratun dengan tepat seperti pertumbuhan tunas atau pokok baru dari sistem perakaran pokok yang sama.

### **Soalan 17**

Sebahagian calon dapat memberi jawapan yang betul. Calon tidak memberi ciri khusus klon durian. Calon perlu menyatakan ciri-ciri khusus klon durian berbanding klon durian lain.

### **Soalan 18**

Sebahagian calon dapat memberi jawapan yang betul. Calon tidak jelas perbezaan jarak tanaman dan sistem tanaman. Calon perlu menyatakan tujuan atau kebaikan jarak penanaman seperti dapat mengawal persaingan ruang, cahaya atau nutrient, mengawal pertumbuhan rumpai atau mengawal kelembapan.

### **Soalan 19**

Sebahagian besar calon tidak dapat memberi jawapan betul. Calon tidak ingat fakta dan keliru dengan pengeringan biji koko. Calon perlu menyatakan tujuan penapaian seperti mempercepatkan proses pengeringan atau membuang lendir pada biji atau merangsangkan rasa coklat pada biji koko.

### **Soalan 20**

Sebahagian besar calon dapat menjawab soalan ini. Calon memberi jawapan kepada ciri kacang tanah bukan kepentingan kepada tanah. Calon perlu menyatakan kepentingan atau kebaikan tanaman penutup bumi kepada tanah seperti membekalkan nitrogen kepada tanah, mengawal kelembapan atau rumpai dan mengawal hakisan tanah.

## **Bahagian B**

### **Soalan 1 (a)**

Ramai calon yang boleh menjawab soalan ini. Calon keliru pembiakan tut dengan pembiakan cantuman. Jawapan calon tidak jelas dan tidak mengikut urutan. Calon perlu menghuraikan langkah mengikut urutan cara melakukan tut dari peringkat pemilihan dahan sehingga membalut dan mengikat kepalan tanah pada dahan.

### **Soalan 1 (b)**

Sebahagian besar calon tidak boleh menjawab soalan ini. Calon tidak ingat fakta umum dan khusus dalam penyediaan bahan tanaman. Sepatutnya calon menyatakan langkah-langkah penyediaan sulur dari aspek pemilihan sulur, pengambilan sulur, rawatan sulur dan penyimpan sulur sebelum penanaman.

### **Soalan 1 (c)**

Sebahagian besar calon tidak dapat menjawab soalan ini. Calon tidak memfokuskan kepada keluasan semburan dan memikirkan faktor yang boleh mengubah keluasan

semburan. Calon perlu menyatakan faktor yang mempengaruhi keluasan semburan seperti jenis nozel, tekanan pada pam, ketinggian nozel dari permukaan tanah atau tiupan angin.

### **Soalan 2 (a)**

Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan mudah. Calon tidak ingat fakta menyebabkan urutan kaedah membaja tidak lengkap. Calon kerap tidak menyatakan kedudukan poket dibuat pada kawasan tanaman. Calon perlu menyatakan kebaikan pembajaan poket dan kaedah melakukan pembajaan poket mengikut urutan.

### **Soalan 2 (b)**

Sebahagian calon tidak dapat menjawab soalan ini. Calon tidak ingat fakta dan memberi pelbagai jawapan agen perosak dan kawalannya mengikut fahaman calon dan tidak mengikut kehendak soalan. Calon perlu menerangkan penyakit antraknos dari aspek agen penyebab, simptom dan cara kawalannya.

### **Soalan 2 (c)**

Sebahagian besar calon dapat menjawab soalan ini. Calon tidak menamakan kaedah kawalan perosak tetapi hanya memberi contoh kawalan. Calon perlu menamakan empat kaedah kawalan lalat buah berserta contoh seperti kaedah amalan kultur dan contoh kawalan dengan memusnahkan buah yang dijangkiti atau kaedah fizikal dan contoh kawalan dengan memasang perangkap lalat buah.

### **Soalan 3 (a)**

Sebahagian besar calon tidak dapat menjawab soalan ini. Kebanyakan calon tidak ingat fakta. Calon memberi nama sistem penanaman sahaja tanpa menghuraikan. Calon perlu menamakan sistem penanaman dan menghuraikan sistem penanaman dari aspek kedudukan tanaman koko dan tanaman *Gliricidia sp.* mengikut corak penanaman, jarak penanaman, masa penanaman dan kebaikan sistem penanaman. Jawapan calon boleh disertakan dengan lakaran gambarajah sistem penanaman.

### **Soalan 3 (b)**

Sebahagian calon dapat menjawab soalan ini. Ramai calon yang hanya memberi jawapan faktor sahaja tanpa menerangkan faktor tersebut. Calon perlu menyatakan faktor dan menerangkan bagaimana ia mempengaruhi pengeringan biji koko seperti faktor susunan biji koko di mana susunan biji koko dengan lapisan yang tebal akan melambatkan proses pengeringan biji koko. Faktor lain adalah seperti suhu dan peredaran udara.

### **Soalan 3 (c)**

Sebahagian besar calon tidak dapat menjawab soalan ini. Calon keliru dengan pemprosesan cara basah dan kering bagi tanaman kopi. Ramai calon yang tidak ingat fakta tertentu dalam pemprosesan kopi kaedah basah. Calon perlu menerangkan pemprosesan kopi kaedah basah mengikut urutan.

### **Soalan 4 (a)**

Sebahagian besar calon boleh menjawab soalan ini. Kelemahan, segelintir calon tidak dapat menerangkan langkah-langkah membuat kompos mengikut urutan dan terdapat calon

yang terlupa untuk menerangkan proses pengujian kompos yang terurai. Calon perlu menerangkan proses membuat kompos mengikut urutan. Calon juga boleh menjawab proses membuat kompos dengan bantuan gambarajah.

#### **Soalan 4 (b)**

Sebahagian calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan tepat. Kebanyakan jawapan calon adalah merujuk kepada pengerasan anak pokok sahaja dan tidak menjawab kehendak soalan. Calon perlu menerangkan amalan untuk mengurangkan renjatan semasa mengubah seperti menyiram sebelum dan selepas mengubah, memberi naungan atau perubahan di awal pagi atau lewat petang.

#### **Soalan 4 (c)**

Majoriti calon menjawab soalan c (ii) iaitu tanaman kelapa. Segelintir kecil calon yang menjawab soalan c (i), c (iii) dan c (iv) dengan jawapan yang salah. Majoriti calon dapat menjawab soalan c (ii). Kelemahan calon adalah tidak dapat mengingat fakta yang lengkap mengikut urutan bagi pemprosesan kopra. Calon perlu menghuraikan pemprosesan kelapa dari peringkat pemilihan kelapa sehingga menjadi kopra. Calon perlu menjawab soalan berdasarkan tajuk pilihan yang diajar mengikut kandungan sukatan mata pelajaran bukan berdasarkan pengamatan sahaja.

### **SARANAN KEPADA CALON**

1. Banyakkan latihan menjawab soalan lepas.
2. Calon hendaklah memahami kata tugas soalan.
3. Calon perlu mempunyai kemahiran dalam menjawab soalan esei melalui latihan.
4. Calon hendaklah memahami istilah pertanian dengan tepat.

### **SARANAN KEPADA GURU.**

1. Memberi latihan teknik memahami dan menjawab soalan kepada calon.
2. Banyakkan latihan menjawab soalan lepas kepada calon.
3. Memberi latihan untuk menjawab soalan berdasarkan pengalaman amali di ladang kepada calon.
4. Mengadakan perbincangan antara guru dari sekolah berlainan untuk mata pelajaran tersebut bagi pembentukan soalan latihan dan penilaian bersama.